



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 13 Tahun 2012

**KELULUSAN PENGAJIAN SECARA SAMBILAN
ATAU SEPARUH MASA**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan semua staf Universiti Teknologi MARA (UiTM) berkenaan penurunan kuasa untuk mempertimbangkan dan memutuskan permohonan bagi mengikuti pengajian secara sambilan atau separuh masa.

LATAR BELAKANG

2. Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) UiTM dalam Mesyuarat Bil. 254 pada 28 Jun 2012 telah bersetuju memberi penurunan kuasa kepada Panel Pembangunan Sumber Manusia, Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk mempertimbangkan dan memutuskan permohonan bagi mengikuti pengajian secara sambilan atau separuh masa kepada staf-staf di Pusat Tanggungjawab (PTJ) PTJ masing-masing.

TUJUAN PELAKSANAAN

4. Penurunan kuasa kepada Panel Pembangunan Sumber Manusia, Pusat Tanggungjawab (PTJ) ini adalah untuk meningkatkan kecekapan proses pengurusan pengajian secara sambilan bagi staf akademik dan pentadbiran.

PERATURAN DAN PELAKSANAAN

5. Garis Panduan Pelaksanaan adalah seperti berikut:

- i. Kursus yang diikuti adalah di peringkat Diploma, Ijazah Pertama, Diploma Lanjutan, Sarjana dan Kedoktoran (PhD);
- ii. Kursus yang diikuti adalah kursus yang telah diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia melalui Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTTPK) yang boleh disemak di Unit Pengiktirafan Kelayakan, Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia atau di laman sesawang www.interactive.jpa.gov.my/webinteraktif/frmMainiktiraf.asp ;
- iii. Staf perlu mengemukakan permohonan dengan menyertakan surat tawaran pengajian dari universiti dan jadual kelas;
- iv. Staf perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Pengerusi Panel Pembangunan Sumber Manusia/ Ketua Jabatan sebelum memulakan pengajian setelah mengambil kira peraturan-peraturan yang terpakai dalam Pekeliling Pendaftar Bil. 34 tahun 2000, yang menggariskan peraturan seperti berikut:
 - a. Staf hendaklah mendapat kebenaran daripada pihak pengurusan untuk mengikuti pengajian secara sambilan dan melaporkan kemajuan pengajian kepada Dekan Fakulti dan pihak pengurusan dari masa ke semasa.
 - b. Kursus atau pengajian yang diikuti mestilah tidak mengganggu tugas hakiki dan tugas-tugas rasmi lain yang diarahkan.
 - c. Kursus yang diikuti hendaklah di luar waktu pejabat.
 - d. Tidak ada sebarang pengurangan beban tugas atau jam bekerja bagi staf yang terlibat kecuali untuk tujuan mengambil peperiksaan sahaja.
 - e. Segala perbelanjaan yang berkaitan dengan pengajian adalah tanggungan sendiri kecuali yang dipersetujui oleh pihak pengurusan.
 - f. Staf sentiasa tertakluk kepada peraturan-peraturan perkhidmatan dan tata tertib kakitangan termasuk arahan pertukaran ke mana-mana kampus cawangan.

- g. Bagi staf akademik, bidang pengajian mestilah yang berkaitan dengan bidang pengkhususan pengajaran. Sekiranya berlainan, mestilah mendapat kelulusan Dekan Fakulti.
- v. Satu (1) salinan surat kebenaran hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM), Pejabat Pendaftar;
- vi. JPbSM akan melakukan pemantauan pelaksanaan kelulusan pengajian sambilan yang diturunkuasa kepada Panel Pembangunan Sumber Manusia, Pusat Tanggungjawab setiap enam (6) bulan sekali.

TARIKH DIKELUARKAN

6. Pekeliling dikeluarkan pada 5 September 2012.

TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini berkuatkuasa pada 1 Julai 2012.



DR. HAJAH ZAHRAH MOKHTAR
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail : 100-BPD(UDG/PT. 6/3)
No Siri : 100-BPD(UDG/13/2012)*